

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN MUSODDAK BIN AHMAD

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini berkenaan kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) untuk projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) masih diteruskan dan dijangka dapat dimuktamadkan menjelang pertengahan tahun 2025.
2. Bagi maksud cadangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah menerima permohonan rasmi yang lengkap daripada Kerajaan Negeri Kedah melalui suratnya bertarikh 9 September 2024 untuk menubuhkan aerodrom bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP).
3. Buat masa ini, pihak CAAM dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sedang membuat penilaian teknikal dan kewangan ke atas permohonan tersebut. Setelah menerima laporan penilaian daripada kedua-dua agensi tersebut, Kementerian Pengangkutan akan membuat keputusan berhubung permohonan ini.

Sekian, terima kasih.